



Ruj.Kami : Prk.ML.08/25-22 (58)  
Tarikh : 17 Februari 2016

**SEGERA DENGAN FAKS DAN POS**

Pengarah  
Pejabat Perikanan Negeri Kedah  
Tingkat 5, Zon C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Bandar Muadzam Shah  
06550 Alor Setar  
**KEDAH**

Tuan,

**PENGEZONAN BAHARU KAWASAN MENANGKAP IKAN ZON NEGERI KEDAH  
(PEKELILING PELESENAN BIL. 1/2016)**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini telah menerima maklum balas daripada Pejabat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia berhubung perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak tuan sebelum ini dimana perairan negeri Kedah merangkumi sebanyak 109 buah pulau. Sekiranya pengezonan baru ini dilaksanakan sepenuhnya, had zon dari pulau-pulau akan bertindih dalam jarak setiap lapan (8) batu nautika dari pantai pulau. Situasi ini bakal menyebabkan nelayan vesel Zon B di Negeri Kedah perlu pergi menangkap ikan lebih jauh ekoran tidak mempunyai kawasan penangkapan ikan. Akibat rintihan dari para nelayan, syarat baru ini tidak dapat dikuatkuasakan dan dicop pada buku lesen vesel Zon B buat masa ini oleh PPN Kedah.

3. Sehubungan itu, Bahagian ini bersama-sama Pejabat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia pada dasarnya telah bersetuju dan tiada halangan agar pulau-pulau taman laut yang terdapat di Negeri Kedah seperti yang dinyatakan di atas dikecualikan daripada syarat tambahan bagi vesel Zon B yang terlibat dengan

pengezonan semula kawasan penangkapan ikan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Berikut adalah pindaan untuk syarat tambahan tersebut adalah seperti berikut:

i) Syarat tambahan ASAL bagi vesel Zon B:

*“Kawasan menangkap ikan hendaklah tidak kurang daripada 8 batu nautika dari pantai atau pulau, termasuk pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut”.*

DIPINDA KEPADA

ii) Syarat tambahan SELEPAS PINDAAN bagi vesel Zon B:

*“Kawasan menangkap ikan hendaklah tidak kurang daripada 8 batu nautika dari pantai atau pulau, kecuali pulau-pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut di Negeri Kedah”.*

5. Selaras dengan itu, pihak tuan adalah diminta untuk memaklumkan dan membuat hebahan secara menyeluruh berhubung perkara ini kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat. Pekeliling ini akan dilaksanakan berkuatkuasa **SERTA-MERTA** daripada tarikh surat ini dikeluarkan. Segala kerjasama dan tindakan pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

Saya yang menurut perintah,



**( DATUK HJ. ISMAIL BIN ABU HASSAN )**

Ketua Pengarah

Jabatan Perikanan Malaysia

**PUTRAJAYA**

s.k

**KETUA PENGARAH  
AGANSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM)**

Pejabat Ketua Pengarah APMM  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4-11, One IOI Square, IOI Resort  
**62502 PUTRAJAYA**  
No. Faks : 03-8941 4000 / 03-8994 3731

**KETUA PENGARAH  
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA**

Wisma LKIM, Jalan Desaria  
Pulau Meranti  
47120, Puchong  
**SELANGOR**  
No. Faks : 03 - 8060 3726

**KOMANDER  
PASUKAN POLIS MARIN (PPM)**

Tingkat 24, Menara 1  
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia  
Bukit Aman  
**50560 KUALA LUMPUR**  
No. Faks : 03-2266 3227 / 03-2272 4390

**PENGURUS BESAR  
PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)**

No. 152, 1st Floor  
Jalan 2/3A, Pusat Bandar Utama  
KM 12, Jalan Ipoh  
**68100 KUALA LUMPUR**  
No. Faks: 03-6138 7819

Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

Y.Brs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

Semua Pengarah Bahagian

Pengarah Perikanan Negeri Selangor

Pengarah Perikanan Negeri Perak

Pengarah Perikanan Negeri Kedah

Pengarah Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Perikanan Negeri Perlis

Semua Ketua Cawangan Bahagian Pengurusan Sumber

Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia



Semua Pegawai Perikanan Bahagian Pengurusan Sumber

Ketua Cawangan Operasi Teknikal dan Teknikal Web  
Bahagian Pengurusan Maklumat

**(u.p: Pn. Shuhaiza Aszrin Binti Mohd Kasim)**

- Sila pihak tuan memuatnaik pekeliling ini ke dalam laman web Jabatan.